



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PEGUAM NEGARA

KENYATAAN MEDIA PEGUAM NEGARA MALAYSIA

PEMFAILAN USUL BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN UNTUK MERAYU KE MAHKAMAH PERSEKUTUAN

Jabatan Peguam Negara pada 4 Februari 2025 telah melaksanakan haknya di sisi undang-undang berikutan pemfailan Notis Usul bagi mendapatkan Kebenaran untuk Merayu di Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes berkaitan isu Addendum. Langkah ini bertujuan untuk memastikan semua hak yang diperuntukkan oleh undang-undang dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Keputusan untuk memfailkan usul ini adalah berasaskan kepada beberapa premis penting, termasuk: -

- a) Percanggahan dalam tafsiran undang-undang – Terdapat percanggahan pandangan antara keputusan Mahkamah Tinggi dan penghakiman majoriti serta minoriti di Mahkamah Rayuan. Perkara ini menimbulkan keperluan untuk mendapatkan kepastian dan undang-undang yang jelas daripada Mahkamah Persekutuan.
- b) Kepentingan isu undang-undang di bawah Perlembagaan Persekutuan – Isu yang dibangkitkan melibatkan persoalan undang-undang yang signifikan serta mempunyai kepentingan awam yang wajar dibicarakan dan diputuskan oleh Mahkamah tertinggi negara.

Jabatan Peguam Negara percaya bahawa langkah ini bukan sahaja penting untuk memastikan keadilan dalam kes ini, tetapi juga bagi menegakkan prinsip keluhuran perlembagaan dan undang-undang serta memperjelaskan tafsiran undang-undang bagi manfaat semua pihak.

JABATAN PEGUAM NEGARA
5 FEBRUARI 2025